

BERITA HARIAN

Ratu

Rentak Aliran Terkini Untukmu

R1

Selasa
20 Mac 2012

B/H 20/3/12 MAS 1



Anak lambat cakap

Tiada kaitan jantina, mungkin petanda anak alami masalah pendengaran, autisme

► Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

SEAKAN wujud satu persepsi dalam kalangan masyarakat yang mengaitkan jantina sebagai alasan bagi kanak-kanak yang lewat bercakap.

Tidak hairanlah, kita sering mendengar dialog seperti "kalau dibandingkan dengan budak perempuan, budak lelaki memang lambat bercakap. Namun, adakah tanggapan ini benar?

Mengajukan persoalan itu

kepada Terapis Pertuturan Bahasa Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Basyariatul (Basha) Fathi Othman, sebaliknya menyifatkan pandangan itu hanyalah mitos.

"Kanak-kanak yang lambat bercakap tidak boleh dibezakan dengan jantina. Cepat atau lambat kebolehan bercakap itu, sebenarnya banyak dipengaruhi persekitaran, termasuk pemilihan permainan.

"Budak perempuan dikaitkan

dengan cepat pandai bercakap kerana jenis permainan mereka seperti 'main masak-masak atau main pondok-pondok' itu boleh menjadi satu proses pembinaan pertuturan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.


Menurutnya, sambil bermain masak-masak itu, mereka akan mengajuk cara ibunya memotong sayur, menjaga adik dan menukarkan pakaian. Perbuatan itu akan bersulam dengan pengeluaran ayat. Sekiranya dilakukan secara berulang-ulang

kebolehan bercakap akan menjadi semakin lancar.

"Ini berbeza dengan budak lelaki. Kebanyakannya suka bermain kereta mainan, atau 'pencuri-polis'. Tidak banyak perkataan dapat dikeluarkan menerusi permainan berkenaan melainkan bunyi 'vroom' enjin kereta atau perkataan 'lari' dan 'tangkap' dari mulutnya. Secara langsung faktor permainan amat mempengaruhi kebolehan mereka bercakap.

"Justeru saya fikir ada baiknya kalau budak lelaki turut sama

bermain permainan budak perempuan kerana nyata bentuk permainan itu membina kebolehannya bercakap dan kognitif lain termasuk penggunaan motor tangan serta kaki. Penggunaan otak dan pergerakan badan menerusi perbuatan akan mempercepatkan mereka belajar perkataan baru, seterusnya membina ayat dengan baik," katanya.



BIA
2013/12
MS 2

'Kanak-kanak boleh serap bahasa macam span'

<< R1

Namun, bilakah masanya atau tahap usia kanak-kanak itu dikenal pasti sebagai lewat bercakap dan perlu mendapatkan bantuan?

"Kanak-kanak yang normal boleh mengeluarkan perkataan seawal usia lapan bulan ke setahun setengah. Kalau lewat daripada itu, ibu bapa boleh membawa kanak-kanak bertemu dengan terapi pertuturan bahasa untuk menentukan sama ada anak mereka mengalami masalah.

"Masalah bercakap hanya boleh ditentukan oleh Terapi Pertuturan-Bahasa kerana dalam setiap kes dirujuk. Kanak-kanak itu akan diperiksa secara terperinci termasuk menyelidiki persekitaran yang mempengaruhi kebolehan mereka bercakap. Ibu bapa yang mengesyaki anaknya berhadapan masalah bercakap, perlu segera merujuk kepada Terapi Pertuturan Bahasa kerana lambat bercakap boleh menjadi 'petanda' kepada masalah lain termasuk masalah pendengaran, autisme atau masalah masalah lain. Lebih cepat dikenal pasti, lebih cepat kanak-kanak itu dapat dibantu," katanya.

Apakah bezanya antara masalah bercakap dengan pertuturan? Katanya masalah lambat cakap dikaitkan pelbagai faktor komunikasi termasuk kurang rangsangan untuk bercakap.



Masalah bercakap hanya boleh ditentukan

menerusi terapi pertuturan-bahasa. Kanak-kanak itu akan diperiksa secara terperinci termasuk menyelidiki persekitaran yang mempengaruhi kebolehan mereka bercakap. Ibu bapa yang mengesyaki anaknya berhadapan masalah bercakap, perlu segera merujuknya kepada terapis itu kerana lambat

kan adalah sepadan dengan umur anak mereka. Peluang untuk kanak-kanak mereka mendengar bahasa dan menggunakannya mestilah mencukupi di dalam persekitaran mereka.



"Jika ibu bapa atau penjaga selalu bercakap cepat, menggunakan perkataan yang tidak sepadan dengan kebolehan kanak-kanak mereka memahami sudah tentulah akan memberi kesan yang negatif kepada perkembangan pertuturan kanak-kanak mereka. Penggunaan bahasa adalah perlu untuk perkembangan intelek seseorang kanak-kanak. Perkembangan intelek pula dipengaruhi oleh tahap penggunaan bahasa. Jika kanak-kanak lambat bercakap pembelajaran mereka di masa hadapan akan terjejas.

"Sebelumnya selain daripada kesihatan tubuh badan, tahap pemakanan yang baik, keadaan fizikal dan mental yang baik, persekitaran yang penuh dengan stimulasi adalah perlu diberikan kepada kanak-kanak untuk menggalakkan perkembangan bahasa optimum," katanya.

Jelasnya masalah bercakap selalunya menjadi petanda kepada masalah lain yang lebih besar, termasuk masalah pendengaran atau autisme.

"Segeralah merujuk kepada pakar dapat membantu mengesan masalah dihadapi kanak-kanak. Salah Hospital Kuala Lumpur dan

Anatomi digunakan ketika bercakap



Fakta

Klinik Audiologi & Sains Pertuturan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temerloh, Kuala Lumpur

- Ia adalah klinik pengajaran bagi mahasiswa UKM yang diselia oleh audiologis dan terapi patologis pertuturan-bahasa yang bertauliah
- Menyediakan kepakaran dalam menilai, mencegah serta mengendalikan masalah pendengaran dan komunikasi
- Menyediakan kelengkapan peralatan klinik yang canggih
- Antara klinik pendengaran dan pertuturan terawal ditubuhkan dan masih menjadi pusat rujukan utama dalam negara.
- Tel: 03-92895040/92895041.

Bagi masalah pertuturan pula, adalah biasa untuk kanak-kanak kecil yang mula belajar bertutur untuk mengeluarkan bunyi-bunyi yang 'pelat' kerana ini adalah proses normal. Pelat atau 'proses-proses fonologi' ini berlaku sehinggalah sekitar lima hingga enam tahun di mana bunyi-bunyi pertuturan kanak-kanak akan terus bertambah baik dan akan menyamai bunyi-bunyi pertuturan orang dewasa. Apabila kanak-kanak tidak berjaya mengatasi 'pelat' ini pada tahap umur berkenaan, maka masalah pertuturan perlu dibantu oleh patologis pertuturan-bahasa.

Jelasnya seseorang bayi itu bersuara mengeluarkan kata - kata memebel atau *baby talk* seperti *aa, aa, ahggege, bababa, dededed, mamamam, nanana* dan seterusnya sebelum dapat mengeluarkan perkataan yang bermakna. Dalam usaha merangsang kanak-kanak cepat bercakap, ibu bapa digalakkan bercakap dengan mereka walaupun ketika itu mungkin si kecil pada usia bayi.

Mengenai kemungkinan kanak-kanak lambat bercakap akibat penggunaan pelbagai bahasa di rumah menyebabkan kanak-kanak mungkin keliru, Dr Basha berkata, ia tidak semestinya berlaku kerana kanak-kanak menyerap bahasa bagaikan span dan tahu membezakan bahasa

berpaci itu kerana lambat bercakap boleh menjadi 'petanda' kepada masalah lain termasuk masalah pendengaran, autisme atau masalah lain. Lebih cepat dikenal pasti, lebih cepat kanak-kanak itu dapat dibantu"

Dr Basyariatul Fathi Osman
Terapis Pertuturan Pusat Pengajian Sains Rehabilitasi, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia

bila sampai masanya.

Pada peringkat awal, sesetengah kanak-kanak yang bertutur pelbagai bahasa mungkin ada menunjukkan sedikit kelambatan dalam menguasai kesemua bahasa yang dituturkan. Bagaimanapun, ini akan diatasi secara semula jadi. Dalam sesetengah kes, ibu bapa mungkin dapati anak-anaknya lebih bijak bercakap bila tahu banyak bahasa.

Tidak dinafikan unsur genetik adalah satu lagi sebab mengapa kanak-kanak lambat bercakap.

"Untuk mengelakkan berlakunya masalah bercakap bagi kanak-kanak, ibu bapa perlu memastikan supaya tahap pertuturan yang mereka guna-

Selain Hospital Kuala Lumpur dan hospital besar di setiap negeri, ibu bapa boleh ke Klinik Audiologi & Sains Pertuturan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Temerloh, Kuala Lumpur yang khusus mengendalikan mengenai masalah berkaitan.



▶▶ Makanan serta mengunyah membantu keanjalan organ pertuturan (seperti lidah dan otot pipi) untuk menyebut bunyi pertuturan.

Anak 18 bulan tak boleh cakap perlu bantuan

B/H 20/3/12 MS 3.

BAGAIMANAKAH caranya mengenal pasti jika anak anda mengalami masalah lewat bercakap?

Menurut Dr Basyariatul Fathi Osman, ibu bapa harus berasa bimbang apabila mereka berakrabati dengan anak yang tidak menunjukkan perkembangan percakapan anaknya.

"Beberapa panduan boleh dijadikan rujukan. Kanak-kanak yang tidak boleh memanggil *ma* atau *abah* dengan bermakna padahal umurnya sudah meningkat lapan belas bulan perlu disiasat. Kanak-kanak yang tidak mengeluarkan bunyi seperti *ga ga ga*, *de de de*, *me me me* dan lain-lain sedangkan umurnya sudah meningkat setahun perlu mendapatkan pendapat pakar kanak-kanak.

"Mustahak ibu bapa membawa anaknya yang lambat bercakap mendapat penilaian dengan awal kerana jika dibiarkan berterusan mungkin akan menjejaskan perkembangan pembelajarannya kelak.

"Kebanyakan kanak-kanak yang lambat bercakap dapat dipulihkan dengan rangsangan yang sesuai tetapi kadangkala rancangan pemulihan memerlukan cara-cara



GAMBAR HIASAN

▶▶ Permainan boleh membantu proses percakapan.

● Lazimnya kanak-kanak yang berumur lapan bulan sudah boleh menyuarakan kata-kata *ah*, *ee*, *uu*, dan juga *dadada*, *nana*, *mamama*, *gagaga*. Anak juga boleh meniru bunyi-bunyi yang di suarakan oleh ibunya. Pada umur satu tahun, lazimnya kanak-kanak boleh memanggil *mama*, *abah* dengan bermakna dan mula menyuarakan ayat seperti *ata*, *nani*, *bai bai*.

● Pada umur dua tahun kanak-kanak boleh menghasilkan dua

mencapai tahap pertuturan yang lebih cepat daripada ini dan ada juga yang lambat daripada ini.

Selain itu, kanak-kanak ini juga mungkin mengalami masalah intelek. Kanak-kanak yang mengalami masalah ini intelek atau kognitif memang selalu lambat bercakap.

"Semakin rendah kebolehan inteleknya semakin lambat dia mula bercakap. Cara kanak-kanak mengalami masalah intelek



▶▶ Ibu bapa perlu rangsang perkembangan bahasa kanak-kanak.

mempengaruhi proses bercakap. Jika seseorang kanak-kanak mengalami masalah pendengaran sejak lahir, perkembangan bahasa

GAMBAR HIASAN

yang lebih mendalam lagi jika bersangkut paut dengan alasan kurang pendengaran, kerosakan fungsi organ suara dan pertuturan, masalah sukar memahami bahasa dan mungkin juga masalah perkembangan lain seperti autisme," katanya.

Ini katanya berdasarkan fakta berikut:

perkataan seperti *na' mamam* (hendak makan), *na' num* (hendak minum), *mak bayik* (mak balik) dan seumpamanya.

● Apabila berumur tiga tahun, kanak-kanak biasanya boleh menghasilkan ayat seperti *boy na' matan nacik* (boy nak makan nasi) dan seterusnya walaupun masih pelat. Tetapi ada kanak-kanak yang

mengeluarkan kata berlainan daripada kanak-kanak normal. Kepastian bahawa kanak-kanak itu mengalami masalah intelek boleh dibuat selepas pemeriksaan menyeluruh yang merangkumi pemeriksaan klinikal, latar belakang sosial dan penilaian psikologinya dijalankan.

Pancaindra paling penting

pertuturan akan terkesan dengan teruk. Malahan pada sesetengah kanak-kanak dengan masalah ini, percakapan mungkin tidak berlaku sama sekali tanpa bantuan terapi pertuturan yang intensif. Adalah biasa bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran yang tidak menerima apa-apa bantuan masih tidak boleh bercakap walaupun umurnya sudah menjangkau tiga tahun.

"Alasan lain adalah kecacatan fizikal seperti berlaku pada kanak-kanak yang mengalami kekurangan oksigen sewaktu dilahirkan, kadang-kadang boleh mengganggu fungsi otak dan seterusnya organ-organ pertuturan. Contohnya kanak-kanak yang mengalami keadaan yang disebut 'palsi serebral' biasa didapati sukar bercakap dan juga bertutur dengan jelas.

"Bagi seseorang kanak-kanak itu menggunakan bahasa dengan betul, beliau perlu memahami apa yang dicakapkan kepadanya serta melafazkan pemikirannya. Jarang-jarang sekali terdapat di mana seseorang kanak-kanak itu tidak boleh memahami bahasa dari itu dia tidak boleh bercakap.

"Ada pula yang boleh memahami bahasa tetapi tidak boleh melafazkan pemikirannya secara lisan. Kanak-kanak seperti ini selalu menggunakan isyarat untuk mengatakan kehendaknya walaupun jelas dari kelakuannya yang dia bukan mengalami masalah pendengaran mahupun masalah kognitif," katanya.

Rangsang anak bercakap

- Sejak kecil amalkan bercakap dengan bayi. Pandang tepat ke wajahnya.
- Pilih permainan yang membina percakapan. Mainan kampung yang semakin ditinggalkan seperti 'pondok-pondok' dan 'masak-masak' membina perkembangan percakapan si kecil.
- Hadkan memberi permainan sehala seperti permainan komputer kerana tidak banyak membantu perkembangan perkataannya.
- Walaupun segelintir berpendapat televisyen membantu membina bahasa, tetapi dalam banyak keadaan tidak, kerana ia tidak ada unsur sentuhan serta komunikasi dua hala
- Usah perlekeh faktor pemakanan. Mulai usia enam bulan ke atas, pelbagaikan jenis makanan antara lembut, serta separa pejal. Makanan serta mengunyah membantu keanjalan organ pertuturan (seperti lidah dan otot pipi) untuk menyebut bunyi pertuturan.
- Bercerita dengan kanak-kanak. Proses bertanya ketika proses itu berlangsung membina perbendaharaan kata.



▶▶ Bercakap berkembang menerusi pergaulan.